



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN AMAT HARGAI USAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR MENJADIKAN SSPN PILIHAN UTAMA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai instrumen simpanan bagi tujuan pendidikan anak-anak Negeri Johor melalui pembentangan Belanjawan Johor 2020 oleh Menteri Besar Johor, YAB. Dato' Dr. Sahruddin Bin Jamal pada 21 November 2019, Khamis lalu.
2. Melalui pembentangan Bajet 2020 tersebut, Program Dana Didik Johor akan diteruskan pada tahun 2020 dengan peruntukan telah dinaikkan daripada RM50 kepada RM100 bagi setiap kelahiran yang diberikan dalam akaun SSPN-i. Kenaikan 100% ini akan memberi manfaat kepada 1,000 bayi di dalam kalangan keluarga B40. Ini sekaligus menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Johor yang bersungguh-sungguh untuk mendidik rakyatnya supaya menabung seawal usia anak-anak lagi. Melalui program ini, peruntukan sebanyak RM100,000 disediakan pada tahun 2020.
3. Selain itu, Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) turut meneruskan Bantuan Pengajian Pelajaran Negeri Johor bagi inisiatif pemberian Biasiswa Kenangan Dato' Onn dengan peruntukan RM600,000 pada tahun 2020 berbanding RM500,000 pada tahun 2019 dalam akaun SSPN-i (kenaikan sebanyak RM100,000) untuk memberi manfaat kepada 1,000 pelajar cemerlang di sekolah menengah,

4. PTPTN menyeru agar **Kerajaan Negeri lain turut menjadikan SSPN sebagai pilihan utama bagi pemberian insentif di dalam Belanjawan dan program-program utama Kerajaan Negeri untuk manfaat rakyat di masa hadapan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor ini.**

5. PTPTN juga berharap Kerajaan Negeri Johor akan **terus menyokong usaha yang dibuat oleh PTPTN untuk menggalakkan penabungan dalam kalangan masyarakat demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat**. Sesungguhnya **rakyat negeri Johor bertuah kerana mempunyai Kerajaan yang amat prihatin dalam menyediakan keperluan rakyat terutamanya dari aspek kewangan bagi persediaan anak-anak untuk meneruskan pengajian yang lebih tinggi demi generasi akan datang.**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

22 November 2019